



## **Bilik terapi sensori berharga RM80,000 untuk Pusat Kanak-Kanak Spastik Johor**

**JOHOR BAHRU:** Para pelajar di Pusat Kanak-Kanak Spastik Johor akan menikmati kemudahan yang lebih baik berikutan pelancaran sebuah bilik stimulasi pelbagai deria di pusat berkenaan oleh penaungnya Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah di sini semalam.

Kemudahan itu yang disediakan oleh Ronald McDonald House Charities Malaysia (RMHC), dan dikenali sebagai Bilik Sensori Ronald McDonald, menyediakan pelbagai peralatan stimulasi deria menggunakan 'snoezelen', sistem pelbagai deria dari United Kingdom yang merangsang deria utama iaitu lihat, dengar, sentuh dan hidu pelajar terbabit.

Kemudahan itu akan men-

jalankan peranan utama dalam membantu proses pemulihan semula kanak-kanak istimewa dengan mempertingkatkan tahap perhatian mereka menerusi penyediaan persekitaran yang aman dan tenteram, sekaligus meningkatkan kesejahteraan mereka.

"Kami telah menerima respons yang baik dan maklum balas positif daripada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang memperoleh manfaat daripada penggunaan Bilik Sensori Ronald McDonald di tempat lain," kata Naib Presiden RMHC Daniel Chan pada majlis pelancaran itu.

Kemudahan berharga RM80,000 itu merupakan bilik sensori kelapan selepas Selangor, Perak, Sarawak,

Kuala Lumpur, Kelantan, Kuala Terengganu dan Pahang.

Beliau berkata kemudahan serupa akan disediakan tidak lama lagi di Sekolah Sinar Harapan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Hopehaven Centre for Special Children di Melaka.

Sementara itu, pengerusi pusat berkenaan Tunku Yan Nazihah Tunku Laksamana Nasir menggesa agar badan korporat dan sektor swasta di negeri ini tampil menghulur bantuan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di pusat berkenaan.

"Kami perlu memperbaiki jubin lantai, bumbung yang bocor dan dewan yang membabitkan kos RM150,000," katanya. — Bernama